

Rujukan:UKM.KPD.ODL.600-6/2/2

Tarikh: 18 Julai 2023

Semua Pelajar ODL

Semester 3 Sesi Akademik 2022-2023

Tuan/Puan

PEMAKLUMAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP) PROGRAM SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN (USULUDDIN DAN FALSAFAH) - SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2022-2023 (MEI 2023)

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa **Minggu Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir** bagi Program *Open & Distance Learning* (ODL) Semester 3 Sesi Akademik 2022-2023 adalah bermula pada **7 hingga 11 Ogos 2023**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak di **SMPE** mulai **31 Julai 2023**. Pelajar juga boleh mendapatkan Jadual Peperiksaan di laman sesawang ODL dan VIP di bahagian Maklumat Pelajar Semasa - Peperiksaan.

Tuan/Puan juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Tuan/Puan melanggar peraturan peperiksaan yang dinyatakan di dalam Panduan dan Arahan Peperiksaan di VIP bagi setiap kursus yang mempunyai peperiksaan.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan Tuan/Puan, terima kasih.

Ardilla

Yang benar,

ARDILLA MUHAMMAD ASRI

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL (Bahagian ODL)

s.k:

- Penyelaras Program ODL
- Ketua Bahagian ODL



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshane